

# **PENDEKATAN SISTEM MENTOR DALAM PENGURUSAN TINGKAH LAKU BERMASALAH**

oleh

Tiwi Binti Kamidin

## **ABSTRAK**

*Kita sering dikejutkan dengan pelbagai isu mengenai salah laku yang dilakukan oleh pelajar-pelajar pada hari ini di dalam media massa. Namun, skop tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar yang dibincangkan di peringkat media massa hanyalah sebahagian daripada jenis tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar. Melalui penulisan ini, pelbagai jenis tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar dibincangkan dan dalam usaha menangani masalah ini, dicadangkan pihak guru menggunakan pendekatan sistem mentor. Tidak salah bagi seorang guru cuba untuk mendekati serta menyelami perasaan pelajar-pelajarnya melalui sistem mentor. Namun, sistem mentor yang asal harus diperhalusi agar guru dapat merapatkan diri serta membina hubungan yang akrab di kalangan pelajar khususnya yang mempunyai masalah salah laku. Selain matlamat untuk membantu meningkatkan pencapaian akademik, matlamat sistem mentor juga harus menjurus kepada pembentukan peribadi pelajar. Justeru, sistem mentor di sekolah harus diteruskan di semua peringkat persekolahan bagi menangani permasalahan salah laku di kalangan pelajar dari akar umbinya.*

## **PENGENALAN**

Kebelakangan ini kita sering mendengar isu-isu berkaitan dengan salah laku pelajar-pelajar di dalam media massa. Pelbagai cadangan dan andaian yang dikemukakan dalam usaha menangani permasalahan ini termasuk cadangan untuk membenarkan semua guru menjalankan hukuman merotan. Hukuman merotan yang dicadangkan mungkin akan dapat menyelesaikan permasalahan salah laku di kalangan pelajar dalam sesuatu jangka masa. Oleh itu, tulisan ini cuba untuk mencadangkan pendekatan sistem mentor dalam usaha menangani permasalahan salah laku di kalangan pelajar. Mengikut kajian, pelajar yang berusia 14 hingga 17 tahun adalah di antara golongan yang sering melakukan salah laku di sekolah. Pada ketika inilah krisis identiti remaja sering berlaku dalam proses pembentukan peribadi diri. Faktor-faktor luaran khususnya rakan sebaya akan banyak mempengaruhi pembentukan peribadi diri mereka pada ketika ini sekiranya ibu bapa tidak memberi tumpuan kepada mereka. Guru juga boleh membantu pelajar membentuk personaliti diri pada ketika usia sebegini melalui pendekatan sistem mentor. Namun, beberapa ciri sistem mentor harus diubah agar

pendekatannya lebih menjurus kepada aspek keseimbangan hubungan antara guru dan pelajar. Pada suatu keadaan, hubungan guru dan pelajar akan menjadi lebih akrab melalui sistem mentor ini. Oleh itu, semua guru harus mempunyai kemahiran asas bimbingan dan kaunseling dalam menjalankan pendekatan mentor. Selain itu, ianya juga memerlukan pengorbanan masa oleh guru dalam usaha membina hubungan dengan pelajar dalam sistem mentor ini.

### **Tingkah laku Bermasalah**

Menurut Atkinson (1990) tingkah laku bermasalah adalah merupakan tingkah laku yang terkeluar daripada kehendak, norma-norma dan nilai sesuatu masyarakat. Tingkah laku bermasalah boleh merangkumi tingkah laku destruktif, tingkahlaku desruptif, pergantungan berlebihan, tingkah laku kebimbangan, tingkah laku pengunduran diri dan tingkah laku pengasingan diri. Tingkah laku bermasalah ini akan menjadi lebih berbahaya sekiranya ianya melibatkan klik yang mana akhirnya akan mengakibatkan keganasan sekiranya tidak dibendung dengan lebih awal.

#### **i. Tingkah laku Destruktif/Merosakkan**

Tingkah laku destruktif sering berlaku di kalangan pelajar yang berusia 10 hingga 15 tahun. Sikap agresif mereka sering ditunjukkan dalam bentuk tingkah laku merosakkan sama ada melalui sindiran atau melalui perbuatan fizikal seperti tumbuk-menumbuk, bergaduh, melukai atau menyakiti seseorang yang lain. Tingkah laku merosakkan ini mungkin melibatkan permusuhan nyata, vandalisme dan klik. Tindakan agresif kepada pihak lawan akan ditunjukkan akibat rasa tidak puas hati, benci, marah atau dendam. Biasanya tingkah laku destruktif di kalangan pelajar berusia 15 tahun amat membahayakan yang boleh mengakibatkan kecederaan pelajar-pelajar lain yang dimusuhi. Sekiranya pelajar melibatkan klik, ia akan menyebabkan kes *gangsterisme* seperti kejadian pukul di luar sekolah mahupun di dalam sekolah. Tingkahlaku destruktif sebenarnya dipelajari sama ada melalui masyarakat, ibu bapa mahupun televisyen.

#### **ii. Tingkah laku Desruptif/Mengganggu**

Individu yang mempunyai tingkah laku desruptif pula sentiasa mengganggu dan menjejaskan kelicinan perjalanan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, tingkah laku mengganggu ini juga berlaku di luar bilik darjah sama ada sesama adik beradik mahupun rakan sebaya. Jenis-jenis tingkah laku desruptif termasuk hiperaktif, terlalu membuat bising, pergerakan melampau, mengganggu rakan sebaya, gelak terbahak-bahak serta menunjukkan keagresifan fizikal seperti tolak-menolak. Biasanya, tingkah laku ini dialami oleh pelajar lelaki berusia 10 hingga 11 tahun. Selalunya tingkah laku desruptif akan menjadi punca terjadinya tingkah laku destruktif jika emosi tidak terkawal dan melibatkan aspek balas dendam, tidak puas hati dan sebagainya.

#### **iii. Tingkah laku Pergantungan Berlebihan**

Tingkah laku bermasalah juga mungkin berbentuk pergantungan berlebihan yang menunjukkan individu yang tidak dapat berdikari. Sebaliknya, individu

yang sebegini amat bergantung kepada orang lain dan kumpulannya. Tingkah laku pergantungan berlebihan ini kerap berlaku di kalangan kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun ke bawah. Namun, ianya juga mungkin akan berlarutan hingga remaja. Pada suatu ketika, apabila orang yang diharapkan tiada, individu ini akan berasa cemas, takut, bimbang, tertekan dan tidak tahu apa yang dilakukannya. Individu yang sebegini juga mudah mengikut percakapan orang lain dan mudah dipengaruhi. Ini akan menimbulkan masalah pembentukan personaliti dan kendiri diri pelajar khasnya apabila mudah dipengaruhi oleh orang lain. Kemungkinan ianya akan menimbulkan tingkah laku bermasalah yang lebih agresif seperti desruptif ataupun destruktif akibat terlalu bergantung kepada klik. Pendirian individu yang mempunyai tingkah laku pergantungan berlebihan ini juga kurang tegas khasnya apabila berkaitan dengan sesuatu pendapat. Mereka juga kadang kala teragak-agak untuk membuat keputusan namun lebih menyebelahi klik atau individu yang diharapkan. Individu sebegini juga merupakan individu yang pendiam, tidak aktif, rendah diri, selalu mengalami kebimbangan dan tekanan. Di antara punca berlaku tingkah laku pergantungan berlebihan ialah akibat ibu bapa yang mengamalkan perlindungan terlampau, suasana rumah tangga yang tegang, autokratik dan tidak mempercayai kanak-kanak.

#### iv. Tingkah laku Kebimbangan

Satu lagi jenis tingkah laku bermasalah ialah tingkah laku kebimbangan. Manja Mohd Ludin (1990) mendefinisikan kerisauan sebagai "... Pengalaman emosi yang tidak menggembirakan yang dialami oleh seseorang ketika ia merasa takut atau menghadapi ancaman dari sesuatu yang tidak dapat ditentukan dengan jelas.". Oleh itu, kebimbangan berkait rapat dengan emosi ketakutan. Walaupun kebimbangan adalah suatu keadaan emosi yang berlaku di peringkat dalaman pelajar namun ianya juga merupakan salah satu daripada jenis tingkah laku bermasalah yang kurang ditonjolkan permasalahannya. Seseorang yang sentiasa bimbang akan sentiasa cemas atau 'phobia' menghadapi sesuatu cabaran. Mengikut kajian Barat, kanak-kanak yang selalu berada di dalam kebimbangan akan mendapat markah yang rendah berbanding dengan kanak-kanak yang normal. Hill dan Eaton (1971) mendapati kanak-kanak yang berada dalam keadaan kebimbangan menjawab ujian dengan tergesa-gesa kerana takut akan peruntukan masa yang terhad. Mereka banyak melakukan kesilapan. Kebimbangan adalah fenomena yang akan menyebabkan kanak-kanak mempunyai personaliti dan kendiri yang negatif. Individu sebegini akan menghadapi kesusahan dalam perhubungan dengan orang lain. Antara sebab terjadi tingkah laku kebimbangan ialah percanggahan motif, konflik diri antara tingkah laku dan nilai sebenarnya, penyesuaian diri dalam menghadapi suatu keadaan yang baru, menghadapi suatu keadaan yang sukar diramal dan kehilangan tempat bergantung.

#### v. Tingkah laku Pengunduran Diri

Pengunduran diri merupakan penarikan diri daripada suatu situasi kurang selamat atau mengancam. Tingkah laku ini merupakan mekanisme helah bela diri. Pada kebiasaannya, ianya berkaitan dengan pengalaman pahit pada

masa lampau. Kanak-kanak yang pernah gagal dalam sesuatu usaha akan mengambil keputusan untuk tidak melibatkan diri dalam sebarang tugas yang ada kaitannya dengan pengalaman awalnya. Tingkah laku pengunduran diri ini jika dibiarkan akan menyebabkan pembentukan konsep diri yang rendah, tidak yakin untuk berinteraksi, dan terjejasnya perkembangan sosial, emosi dan intelek; serta kurang berupaya untuk menyelesaikan masalah. Masalah pengunduran diri juga menyebabkan kanak-kanak menyimpan perasaan dalam hati dan tidak mampu meluakannya. Ini akan mempengaruhi pemikiran dan pembentukan personaliti mereka. Sekiranya ianya terluah pada sesuatu ketika, ianya akan memungkinkan mereka melepaskan dengan tanpa kawalan emosi termasuk kemungkinan-kemungkinan lain yang membahayakan diri mereka sendiri.

vi. Tingkah laku Pengasingan Diri

Pengasingan diri merupakan tingkah laku yang cuba menjauhkan diri daripada orang lain yang kurang disenangi. Tingkah laku ini juga merupakan sejenis mekanisme helah bela diri untuk mengelakkan diri daripada berkomunikasi dengan orang lain. Sesetengah pelajar enggan melibatkan diri dalam aktiviti atau sesi perbincangan yang diadakan di sesebuah bilik darjah apabila pelajar merasakan dirinya tidak dapat mengikuti pembelajaran. Akhirnya ianya akan menyebabkan pelajar-pelajar tidak mempunyai keyakinan diri, rendah diri, pemalu, pendiam, tidak suka berkawan, tidak yakin berinteraksi dan personaliti yang tidak seimbang.

Daripada penghuraian, tingkah laku bermasalah bukanlah hanya melibatkan aspek-aspek keganasan seperti pecah rumah, melepak, dadah, samseng sahaja namun ianya turut melibatkan permasalahan dalam pembentukan sendiri pelajar yang akan menentukan corak peribadi pelajar tersebut pada usia dewasa. Kita sering memberi tumpuan kepada tingkah laku destruktif atau tingkah laku yang melibatkan keganasan sahaja berbanding tingkahlaku bermasalah seperti kebimbangan, pengunduran diri, pengasingan diri. Justeru, pendekatan sistem mentor adalah amat penting untuk mengatasi semua jenis tingkah laku bermasalah tersebut.

**Punca-punca Tingkah laku Bermasalah**

Di antara punca-punca tingkah laku bermasalah adalah seperti di bawah:

- i. Kehilangan tempat bergantung dan tidak mendapat kasih sayang yang sepenuhnya daripada keluarga
- ii. Tidak memahami apa yang diajar oleh guru
- iii. Faktor-faktor baka
- iv. Kerosakan otak akibat penganiayaan
- v. Konflik psikologi dalaman
- vi. Pengalaman yang mengecewakan
- vii. Pengaruh daripada masyarakat atau orang di sekeliling
- viii. Pengaruh daripada media massa seperti televisyen
- ix. Keadaan fizikal sekolah
- x. Guru yang tidak tegas
- xi. Ibu bapa mengamalkan perlindungan berlebihan
- xii. Tidak diberi peluang dan kepercayaan

Punca-punca yang disenaraikan di atas adalah di antara faktor-faktor penyebab pelajar mempunyai tingkah laku bermasalah samaada tingkah laku destruktif, desruptif, pergantungan berlebihan, kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri. Sama ada disedari atau tidak oleh ibu bapa, keluarga mahupun masyarakat sekeliling dan sekolah, ianya telah menjadi punca berlaku masalah tingkah laku di kalangan pelajar. Justeru, guru harus menyelidiki punca kewujudan tingkah laku bermasalah pelajar yang akan dibimbing oleh mereka. Melalui pengetahuan terhadap punca akan memudahkan guru mendekati pelajar tersebut dan seterusnya membantu pelajar untuk mengatasi masalah tingkah laku tersebut. Oleh itu, pendekatan sistem mentor adalah pendekatan yang paling sesuai bagi guru untuk mendekati pelajar bagi menyelidiki punca dan membantu pelajar mengatasi tingkah laku bermasalah tersebut.

### **SISTEM MENTOR**

Terdapat dua perkara utama dalam sistem mentor iaitu sistem ini merujuk kepada seseorang individu yang berinteraksi dengan individu lain. Interaksi ini melibatkan tindakan-tindakan iaitu membimbing, menyokong, memberi nasihat dan menjalankan kaunseling. Oleh itu, seorang mentor adalah individu yang lebih tua, berpengalaman dan berkelayakan untuk membantu seseorang yang lebih muda dan kurang berpengalaman.

Oleh itu, di peringkat sekolah, maktab mahupun universiti, sistem mentor adalah sistem di mana guru atau pensyarah berperanan dan membantu, membimbing, mengajar, memberi sokongan serta galakan dalam usaha memupuk potensi pelajar agar berkembang dan meningkat, bukan sahaja dari segi akademik malah peribadi. Konsep sistem mentor bolehlah dianggap seperti konsep kakak, abang atau ibu bapa angkat kepada pelajar.

#### **Matlamat Sistem Mentor**

Sistem mentor mempunyai pelbagai matlamat seperti berikut:

- i. Mewujudkan suasana kekeluargaan, kasih sayang antara guru atau pensyarah dengan pelajar (keluarga angkat)
- ii. Menggerakkan pelajar supaya aktif dalam segenap aspek sama ada dalam akademik, kokurikulum, kreativiti dan sahsiah pelajar
- iii. Mengawal disiplin pelajar secara tidak langsung.

Justeru, mentor berperanan sebagai pengganti ibu bapa mentee yang perlu mengikuti perkembangan akademik dan sahsiah pelajar-pelajar di bawah pengawasan mentor tersebut. Di samping itu, mentor akan memainkan peranan sebagai pembimbing dan menjadi orang pertama pelajar merujuk bila menghadapi masalah akademik, emosi dan lain-lain. Bukan itu saja, mentor juga merupakan pengurus kebajikan pelajar. Oleh itu, mentor juga adalah penasihat bagi memastikan pelajar dapat memenuhi keperluan dasarnya.

**Objektif Sistem Mentor**

Melalui sistem mentor ini pelajar-pelajar dapat:

- i. Membina keyakinan diri dalam menghadapi masalah, hasil bimbingan mentor yang sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan mereka
- ii. Mengurangkan tekanan akibat sesuatu konflik (diri/rakan sebaya/guru/keluarga) dengan wujudnya hubungan mesra antara guru-murid
- iii. Mewujudkan semangat kekeluargaan yang kukuh dan saling hormat-menghormati antara guru dan pelajar
- iv. Dibimbing ke arah pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menegaskan perkembangan emosi, rohani, intelek dan jasmani secara sepadu dan seimbang berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.
- v. Berdikari dan menyelesaikan masalah sendiri
- vi. Membantu menyuburkan budaya sekolah yang sihat bagi meningkatkan pencapaian akademik
- vii. Meningkatkan imej sekolah atau institusi supaya menjadi sekolah atau institusi yang berdisiplin dan dihormati serta dibanggai.

**PENDEKATAN MENTOR DALAM MENANGANI MASALAH  
TINGKAH LAKU PELAJAR**

Beberapa cadangan untuk mengatasi masalah tingkah laku pelajar ini adalah seperti berikut:

- a. Kenalpasti pelajar yang agresif (destruktif) – adakah program moral
- b. Mengelakkan hukuman fizikal
- c. Membimbing pelajar supaya menyalurkan perasaan marah kepada sesuatu yang membina
- d. Memberi peluang kepada pelajar untuk meluahkan perasaan
- e. Perbincangan dengan rakan sebaya
- f. Sikap ambil tahu dan prihatin terhadap pelajar
- g. Ganjaran dan pujian
- h. Didikan agama
- i. Penglibatan pelajar dalam pembelajaran
- j. Kasih sayang

Justeru, langkah-langkah untuk mengatasi masalah tingkah laku yang disenaraikan di atas boleh diamalkan semasa perjumpaan dengan mentee. Peluang untuk guru mendekati melalui program moral, didikan agama, kasih sayang, memberi kepercayaan dan sebagainya yang dinyatakan di atas boleh menjadi dasar kepada mentor untuk mendekati mentee mereka. Seorang mentor yang berjaya ialah mentor yang berupaya membina hubungan yang akrab dengan menteenya di samping masih dapat mengekalkan kehormatan mentee terhadap mentor. Mentee tidak akan berasa ragu-ragu atau malu untuk membincangkan segala permasalahan dengan mentornya. Mentor akan menjadi orang pertama tempat mentee merujuk sekiranya menghadapi

sebarang permasalahan. Oleh itu, mentor harus berusaha untuk mewujudkan suasana mesra serta rasa percaya mentee terhadap mentor. Sekiranya tembok hubungan ini dapat dipecahkan, barulah mudah untuk mentor membimbing mentee termasuk di dalam menangani permasalahan tingkah laku mentee.

Untuk membina hubungan ini, di antara cara pelaksanaan sistem mentor yang boleh dilakukan ialah melalui aktiviti terancang mahupun terbuka.

- i. Aktiviti Terancang - Aktiviti ini adalah aktiviti yang dirancang oleh penyelaras mentor dan mentee termasuk cadangan daripada mentor-mentee. Secara rasmi, perjumpaan antara mentor dan mentee boleh diadakan satu kali seminggu atau dua minggu sekali bergantung kepada keperluan. Walau bagaimanapun, masa perjumpaan antara mentor dan mentee melalui kaedah ini agak terhad. Namun, sekiranya program perjumpaan diadakan dengan teratur, masa yang singkat akan dapat dimanfaatkan dengan baik. Sebelum apa-apa aktiviti dengan mentee, adalah lebih baik mentor mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh mentee terlebih dahulu melalui rekod-rekod yang sedia ada. Oleh itu, adalah lebih baik juga mentor adalah terdiri daripada guru atau pensyarah yang mengajar pelajar tersebut agar memudahkan mentor mengenali mentee mereka. Melalui ini, hubungan antara mentor dan mentee akan berlaku dengan lebih kerap dan mentor dapat mengenali mentee dengan lebih baik di samping memantau tingkah laku mentee serta membimbing mentee dalam pembentukan sendiri dan personaliti mentee. Secara tidak langsung cuba untuk mengubah masalah tingkah laku mentee masing-masing.
- ii. Aktiviti Terbuka – Aktiviti terbuka diatur dan dilaksanakan oleh mentor sendiri bersama menteenya seperti lawatan, jemputan ke rumah dan sebagainya. Perancangan perlu dibuat supaya masa tidak disia-siakan. Perjumpaan yang kerap di luar masa yang dijadualkan adalah digalakkan. Aktiviti terbuka akan membantu mentor mengenali mentee dengan lebih dekat. Di sinilah mentor boleh berperanan sebagai pembimbing untuk membantu menyelesaikan masalah tingkah laku yang dihadapi oleh mentee. Melalui aktiviti lawatan atau perkhemahan yang diatur, mentor boleh mengambil peluang untuk membimbing mentee yang menghadapi permasalahan tingkah laku. Ini akan membantu mentee merasakan yang diri mereka dihargai serta ada orang yang mengambil berat akan diri mereka. Misalnya individu yang mempunyai masalah tingkah laku desruptif, kadang-kadang mempunyai matlamat agar diri mereka diberi perhatian. Justeru, melalui pendekatan sistem mentor, mentor akan berpeluang untuk menjelaskan kepada individu tersebut akan kesilapan cara mereka menonjolkan diri atau mendapat perhatian. Secara tidak langsung juga, mentee akan berasa dirinya diberi perhatian oleh mentor yang bertanggungjawab.

- iii. Pertemuan "One to One" – kaedah ini amat sesuai untuk menangani masalah tingkah laku pelajar. Mentor akan berperanan sebagai kaunselor kepada mentee agar mentee berpeluang menceritakan mengapakah mereka bertindak sedemikian. Walaupun memerlukan masa yang banyak namun kaedah ini adalah kaedah yang paling senang untuk mentor membentuk pemikiran serta membimbing mentee mereka. Di samping itu, kaedah ini akan membantu mentor menyelami perasaan mentee mereka. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak akan berjaya sekiranya masih terdapat tembok yang tebal dalam perhubungan antara mentor dan mentee.
- iv. Saluran Komunikasi Terbuka – Saluran komunikasi terbuka ialah dengan menggalakkan pelajar menulis surat kepada mentor tentang apa-apa sahaja perkara yang ingin mereka sampaikan kepada mentor. Mentor perlu menegaskan bahawa apa-apa yang ditulis adalah sulit dan selamat. Ini perlu khususnya bagi pelajar yang mengalami masalah tingkah laku kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri. Kadang-kadang, Individu yang sebegini tidak dapat meluahkan perasaan melalui ayat tetapi lebih mudah meluahkannya melalui surat. Mentor akan memberi balasan atau respon sama ada melalui surat juga ataupun melalui perjumpaan dengan mentee mereka yang telah menulis surat tersebut. Walau bagaimanapun, kaedah respon adalah mengikut kehendak mentee.

Dalam sesuatu perjumpaan antara mentor dan mentee, haruslah mempunyai unsur-unsur 'expectancy' pada kedua-dua belah pihak, keseronokan, persediaan rapi perlu dibuat oleh mentor sebelum pertemuan dengan mentee dan sediakan idea baru atau cerita yang boleh merangsang mentee. Peranan mentor yang mempunyai kemahiran kaunseling akan lebih terserlah sekiranya aktiviti mentor mentee ini dijalankan dengan lebih telus dan bersungguh-sungguh untuk mengubah tingkah laku mentee. Mentee akan lebih selesa serta merasakan diri mereka diberi perhatian oleh guru atau pensyarah. Secara tidak langsung ini akan memastikan mentee tidak mengulangi tingkah laku bermasalah yang mereka lakukan. Namun, pendekatan mentor haruslah sesuai dan kreatif dalam usaha membentuk serta mengubah tingkah laku bermasalah mentee. Melalui pemantauan serta pemerhatian yang lebih kerap, pasti mentee akan berasa malu dan tidak ragu-ragu untuk mengubah tingkah laku mereka. Di samping itu, melalui aktiviti-aktiviti tertentu yang dilakukan, mentor juga boleh membantu membentuk peribadi positif kepada tingkah laku bermasalah jenis pergantungan berlebihan, kebimbangan, pengunduran diri dan pengasingan diri. Menurut Sofiah Hamid (1993) berdasarkan kajian di Sekolah Menengah Sungai Ara, Pulau Pinang 25.6% pelajar menganggap program ini membantu menti dalam pembelajaran, 22.0% mendidik mereka menjadi pelajar yang baik, 19.5% memberi menti merasa dihargai dan diberi perhatian manakala 25% menyatakan ianya menolong dan membimbing menti menyelesaikan masalah peribadi dan pembelajaran. Kita mendapati bahawa sistem mentor merupakan suatu pendekatan yang paling bersifat



psikologi selain peranan kaunselor dalam membantu menyelesaikan tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar. Namun, kemahiran bimbingan dan kaunseling perlu diberi kepada semua mentor sebelum sistem ini dilaksanakan dan mentor mendekati mentee.

## KESIMPULAN

Pendekatan sistem mentor adalah pendekatan berunsur psikologi dan bimbingan kaunseling yang akan membantu menyerapkan rasa dihargai di kalangan pelajar. Di samping itu, mentor juga akan dapat mengenali punca mengapa tingkah laku bermasalah wujud dalam diri sesetengah mentee mereka. Melalui pendekatan ini, selepas mengetahui punca-punca timbul permasalahan tersebut, mentor harus memainkan peranan sebagai pembimbing kepada mentee. Walau bagaimanapun, kejayaan pendekatan sistem mentor untuk menangani tingkah laku bermasalah adalah bergantung kepada kesungguhan mentor dalam mengatasi permasalahan tersebut. Sekiranya mentor tidak berjaya membina hubungan akrab sehingga pelajar berani serta tidak ragu-ragu mencurahkan masalah mereka, mentor tidak akan berjaya menangani tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar. Ianya juga memerlukan komitmen serta pengorbanan yang tinggi di kalangan mentor kerana banyak masa akan diluahkan kepada mentee selain keluarga dan tugas mereka di sekolah. Walau apapun, sekiranya dilaksanakan dengan terancang di samping kemahiran-kemahiran bimbingan dan kaunseling yang dimiliki oleh mentor, pendekatan sistem mentor adalah salah satu cara untuk menangani tingkah laku bermasalah di kalangan pelajar dari akar umbinya dan bukannya hanya satu langkah jangka pendek sahaja.

## BIBLIOGRAFI

- Atan Long, (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkinson, R. L., Atkinson, R. C., Hulgard, E. R. (1990). *Introduction to Psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Bell-Gredler, M. E. (1986). *Learning and instruction: Theory into practice*. New York: Macmillan Publishing Company
- Crow, L. D and Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng. (1991). *Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Goleman, Daniel. (1999). *Working with emotional intelligence*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Mohd. Salleh Lebar. (1991). *Psikologi Perkembangan Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Murugiah Velayutham (1996). *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Patricia Flakus Mosqueda and Robert Palaich (1990). *Mentoring Young People Makes A Difference*. United States: Education Commision of States.

Slavin R. E, Karweit N. L and A. Madden. (1989). *Effective Programme for Student at Risk*. Boston: Allyn & Bacon.

Sofiah Hamid. (1993). *Sistem Mentor Dalam Pengurusan Hal Ehwal Pelajar Berisiko: Tinjauan Awal di Sekolah Menengah Sungai Ara, Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Berita Bimbingan dan Kaunseling.

Swick, K. J. (1990). *Assisting At Risk Children: Skills for Social and Emotional Family Growth*. U.S.A: University of South Carolina.